



جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Saya Mohd Razali Bin Daud, ingin mendapat pandangan daripada Dato' Sri Tuan Mufti berkaitan urusan emas yang ditawarkan oleh Maybank. Adakah urusan emas tersebut halal untuk orang islam terlibat. Dan kalau boleh Dato' Sri jelaskan juga apa perbezaan urusan emas ini dengan urusan saham yang dijalankan di kaunter saham yang patuh syariah.

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ beserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Berhubung dengan pelaburan emas yang kini menjadi pilihan disebabkan potensi keuntungannya, ianya perlu mematuhi parameter dan syarat yang telah ditetapkan dalam Islam memandangkan Islam menilai emas dan perak sebagai item ribawi. Hadis Rasulullah ﷺ yang telah menerangkan tentang syarat-syarat bertransaksi dengan item ribawi adalah seperti berikut;

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ ، وَالْمَلْحُ بِالمَلْحِ ، مِثْلًا بِمِثْلٍ ، سَوَاءً بِسَوَاءٍ ، يَدًا بِيَدٍ ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ ، فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ ، إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ

Bermaksud : Daripada Ubadah bin Somit berkata, telah bersabda Rasulullah ﷺ : “Emas (harus ditukar atau diniagakan) dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam, mestilah sama timbangan, dan ditukar secara terus (dalam satu masa) dan sekiranya (tukaran berlaku antara komoditi) berlainan jenis, maka berjual-belilah kamu sebagaimana yang disukai jika ia dilakukan dalam bentuk tunai.” (Hadis riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis di atas yang menerangkan syarat bagi jual beli atau tukaran yang melibatkan enam item ribawi iaitu daripada jenis emas, perak, gandum, barli, kurma dan garam.

Maka urusan niaga pelaburan emas menerusi “Maybank Gold Investment Account” adalah produk konvensional. Produk ini dijalankan tanpa “tagging” kepada emas sebenar kecuali apabila pelanggan “redeem” emas secara fizikal. Oleh itu, jual beli emas hakikatnya tidak berlaku dalam akaun ini sebagaimana yang dituntut syarak secara “yadan biyadin”(lani). Pergerakan pelaburan pula bergantung sepenuhnya kepada harga emas semasa tanpa wujudnya aset emas tersebut. Namun begitu, pihak Maybank Islamic sedang berusaha dalam proses untuk menawarkan produk pelaburan emas patuh syariah yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Oleh itu, kami berpandangan sebagai orang Islam, ciri-ciri pelaburan emas yang patuh syariah adalah menjadi keutamaan kepada para pelabur Muslim. Kerana berasaskan firman Allah ﷻ dalam surah Al-Baqarah ayat 275 yang mensarankan kepada kita supaya mengelak daripada terlibat dengan gejala riba :

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا
 إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا
 سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Bermaksud : “Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, **padahal Allah ﷻ telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.** Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya”.

Sedikit perbezaan diantara urusan emas dan saham :

1. Emas hanya tertakluk kepada emas sahaja, manakala saham umum kepada semua bentuk jenis perniagaan.
2. Emas merupakan item ribawi dalam islam, manakala saham terbuka kepada semua jenis item.
3. Emas tidak mudah terdedah dengan perjudian, manakala saham sangat mudah terdedah dengan perjudian kerana sistem terbuka.

Mudah-mudahan dengan sedikit perbezaan ini boleh lah dijadikan sebagai panduan buat tuan. Kami mengucapkan tahniah kepada tuan, kerana berusaha untuk melibatkan diri dalam pelaburan yang boleh menambahkan dan meningkatkan kekuatan ekonomi orang islam. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahawa Nabi SAW telah bersabda:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ، خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ اِحْرَاصٌ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ، وَاسْتَعْنِ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ

Maksudnya: *“Orang mukmin yang kuat (segalanya) itu, lebih baik dan lebih dikasihi Allah daripada mukmin yang lemah sedang setiap (mukmin) itu semuanya baik. Utamakanlah (berusahalah) terhadap perkara yang menjamin kemanfaatanmu dan sentiasa bermohon pertolongan Allah tanpa rasa lemah semangat.”*Riwayat Muslim (2664) dan Ibn Majah (4168)

Perkataan *“Qawiy”* dalam hadith di atas merupakan lafaz umum yang membawa maksud semua perkara yang membawa kepada kekuatan.

Namun begitu, kami mengharapkan tuan perlu banyak mempelajari selok belok urusan pelaburan ini sehingga dapat memahami dan melalui onak ranjaunya dengan ilmu, kerana Imam Asy-Syafie dalam *Manaqibnya* pernah menyebut :

“مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ، وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ وَمَنْ أَرَادَ هُمَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ”

Maksudnya: *“Barangsiapa yang menginginkan dunia maka hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang menginginkan keduanya, maka hendaklah dengan ilmu.”* (*Manaqib al-Syafie’*, 2/139)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ مَرْجِعُ الْمَأْبُوتِ

Rujukan:

1. Alquran terjemahan.
2. https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/wealth/gold_silver/maybank_gold_investment_account.page
3. Sahih muslim.
4. *Manaqib al-Syafie’*.
5. *Fiqh al-manhaji*.